

11/05/2004

Pemuda Umno serah bantahan kepada AS

MELAKA: Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, akan mengetuai pergerakan itu menghantar nota bantahan kepada Kedutaan Amerika Syarikat (AS) berhubung tindakan tentera negara itu mendera dan menghina tahanan Iraq.

Nota bantahan akan diserahkan kepada Duta AS ke Malaysia, Marie Huhtala, sama ada hari ini atau esok.

Beliau yang juga Pengerusi Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) berkata, tindakan itu sebagai membantah pelakuan biadab dan tidak berperikemanusiaan tentera AS terhadap tahanan Iraq.

"Sebelum melancarkan serangan terhadap Iraq, pemimpin mereka dengan angkuh memberi alasan serangan bertujuan mencari senjata pemusnah.

"Tetapi selepas serangan, adakah mereka menjumpai senjata pemusnah, sebaliknya membunuh dan menyeksa rakyat Iraq sesuka hati.

"Inikah yang dikatakan demokrasi dan kita hairan bagaimana sebuah negara yang memperjuangkan hak asasi manusia sanggup melakukan penghinaan dan kekejaman terhadap tahanan perang Iraq," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan sempena Persidangan Antarabangsa Malaysia Mengenai Pengajaran Bahasa Inggeris (Micelt) di Hotel Equatorial di sini, semalam.

Persidangan sehari yang dihadiri kira-kira 700 peserta dari dalam dan luar negara itu antara lain membincangkan hala tuju dan strategi meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di negara ini.

Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran berkata, apa yang dilakukan tentera AS dan sekutunya terhadap rakyat Iraq tidak boleh dimaafkan kerana ia bertentangan dengan dasar AS dan nilai kemanusiaan.

"Sebagai rakyat Malaysia, kita bersimpati dengan apa yang berlaku dan kita hanya boleh membantah supaya tindakan sewajarnya diambil terhadap tentera yang terbabit dalam kejadian itu," katanya.

Sementara itu, Di JOHOR, Hishammuddin berkata, Pemuda Umno menyokong kenyataan Tun Dr Mahathir, supaya Bush dan Rumsfeld meletak jawatan berikutan kegagalan negara itu menangani isu Iraq, termasuk perbuatan tenteranya mendera dan menghina tahanan Iraq.

Beliau berkata, dakwaan untuk membawa demokrasi di Iraq adalah retorik kosong dan membuktikan kuasa besar itu menghalalkan tindakan yang jelas haram serta melanggar undang-undang antarabangsa dan prinsip kemanusiaan sejagat.

"Saya minta Bush dan Rumsfeld meletak jawatan. Apa mereka tuduh dilakukan pemimpin Iraq sebelum ini kini dilakukan mereka sendiri. Sehingga kini senjata pemusnah tidak dapat dikesan," katanya selepas merasmikan Minggu Pengurusan Pelajar Kolej Matrikulasi Johor, di Tangkak.

(END)